

► SITI AISYAH NORDIN
naisyah@sph.com.sg

TENDANGAN 'penentu' yang dilakukan terhadap lawannya yang memberikan beliau gelaran juara dunia semasa beraksi di Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, awal tahun lepas masih terbayang jelas dalam ingatannya.

Detik-detik hebat pertarungan penentuan itu masih terpahat di minda pesilat nasional, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, 18 tahun, yang ditabal juara dunia menyusuli kemenangan ke atas seterunya dari Vietnam, Mach Quoc Hung, dalam final Kelas J (90-95kg).

Namun beliau akui, semasa menjejakan kaki buat pertama kali di gelanggang kejohanan berprestij itu tahun lepas, beliau sedar harapan menjulang gelaran juara tidak diletakkan ke atasnya yang dianggap masih 'mentah' dalam arena sukan tersebut.

Namun matlamat yang telah ditetapkan untuk dirinya sendiri, iaitu melakukan yang terbaik dalam apa jua bidang sekalipun, telah mendorong dirinya berusaha gigih, terutama sekali apabila beliau berjaya mara ke pertarungan akhir.

"Saya sedar bahawa dalam perlakuan itu saya tercicir (mata) sejak pusingan pertama hinggalah pusingan akhir, tetapi pada saat-saat terakhir pertarungan, saya berjaya memperbaiki persembahan saya untuk menyandang gelaran juara," katanya.

"Memang saya pernah impikan bagaimana keadaannya jika saya menjadi juara pertandingan ini, tetapi apabila saya mendapat gelaran juara itu, ia adalah antara detik paling bahagia dalam hidup saya."

– Sheik Farhan Sheik Alau'ddin menceritakan pengalamannya setelah bergelar juara dunia.

Beliau berkata sebaik sahaja pertarungan itu tamat, fikirannya seolah-olah diawang-awangan – apa yang beliau hanya dapat fikirkan ialah kejayaan hebatnya yang di luar jangkaan.

"Saya menjuruskan mata ke arah jurulatih saya, bapa saya dan teman silat yang lain... mereka semua gembira sekali. Saya berlari ke arah mereka.

"Memang saya pernah impikan bagaimana keadaannya jika saya menjadi juara pertandingan ini, tetapi apabila benar-benar dianugerahi gelaran juara itu, memanglah ia antara detik paling bahagia dalam hidup saya," kata Sheik Farhan.

Sumbangan beliau dalam dunia sukan sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat Melayu/Islam turut diiktiraf apabila beliau menerima Anugerah Jauhari Harapan di majlis Anugerah Jauhari

hari Berita Harian yang diadakan di Hotel Furama RiverFront baru-baru ini.

Anugerah tersebut bertujuan menghargai sumbangan anggota masyarakat Melayu/Islam di Singapura yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang pilihan mereka, termasuk pendidikan, kerjaya, sukan dan seni.

Pesilat nasional tersebut berkata anugerah yang diterimanya merupakan satu penghormatan yang amat istimewa baginya.

"Ia memang bukan sesuatu yang saya harapkan, tetapi saya amat berbesar hati diberikan peluang ini.

"Ia juga menunjukkan bahawa saya sedang menuju ke arah yang betul dan ia mendorong saya meningkatkan lagi pencapaian saya," ujarnya.

Selain diberi piala Anugerah Jauhari Harapan, beliau menerima hadiah wang

tunai sumbangan Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) dan dua pasang tiket sumbangan syarikat penerbangan Scoot.

Menurut Setiausaha Agung MDIS, Dr R. Theyvendran, memang amat memberangsangkan melihat anak muda yang teguh menghadapi cabaran dan berjaya mencapai prestasi cemerlang dalam bidang yang menjadi pilihan mereka.

MDIS adalah rakan sokong padu inisiatif Anugerah Jauhari Harapan Berita Harian selama lebih 15 tahun.

"Kami berharap penerima Anugerah Jauhari Harapan ini akan menyumbang kembali kepada masyarakat dengan memenuhi potensi mereka melalui pendidikan, memberi inspirasi kepada orang lain, serta menambah contoh yang baik dalam masyarakat," katanya.

Menurut Dr Theyvendran lagi, MDIS berasa berbesar hati dapat menyumbang kepada Anugerah Jauhari Harapan ini dan ia merupakan salah satu cara bagi organisasi itu mengiktiraf golongan belia dan berharap mereka terus berusaha mencapai kejayaan dalam hidup mereka.

"Saya berasa bangga dengan belia ini dan apa yang telah dicapai mereka. MDIS berasa berbesar hati dapat memainkan peranan dalam anugerah ini.

"Saya berharap mereka akan terus berusaha mencapai impian mereka dan hadapi sebarang cabaran dengan berani. Saya yakin mereka dapat menjadi contoh bukan sahaja kepada masyarakat Melayu tetapi juga seluruh negara," kata beliau.

PEMENANG ANUGERAH JAUHARI HARAPAN

2016: SHEIK FARHAN SHEIK ALAU'DDIN, 19 TAHUN

Pesilat nasional yang berjaya merangkul gelaran juara bagi pelbagai peraduan silat; antara pencapaian utamanya juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, pada 2015.

2015: CIK AMALINA RIDZUAN, 23 TAHUN, DAN ENCIK AHMAD ABDURRAHMAN HANIFAH MARICAN, 21 TAHUN

Cik Amalina, bekas pelajar Madrasah Al-Ma'arif Al-Islamiah, dan Encik Ahmad, bekas pelajar Madrasah Aljunied Al-Islamiah, merupakan dua bekas pelajar madrasah pertama yang berjaya melangkah ke Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Universiti Nasional Singapura, menerusi laluan politeknik.

2014: CIK SAIYIDAH AISYAH MOHAMMED RAFA'EE, 28 TAHUN

Telah berjaya merangkul pingat emas pertama untuk Singapura dalam acara mendayung sejak 1997 semasa acara mendayung 2,000 meter lightweight single sculls Sukan SEA Ke-27 di Myanmar Disember 2013.

2013: ENCIK ADIL HAKEEM MOHAMAD RAFAE, 23 TAHUN

Pelajar Melayu terbaik dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) pada 2005, antara pelajar Melayu terbaik bagi peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'A' yang didudukinya pada 2011 dan anak Melayu kedua dalam sejarah yang berjaya menjulang biasiswa paling berprestij di watan ini, Biasiswa Presiden – selepas lebih empat dekad.